

Analisis Nilai Murni dalam Manuskrip ‘*Hikayat Saerah Dengan Suami*’

Analysis of Pure Values in Manuscript ‘*Hikayat Saerah Dengan Suami*’

EIZAH MAT HUSSAIN, TENGGU INTAN MARLINA TENGGU MOHD ALI & ZAHIR AHMAD

ABSTRAK

Nilai-nilai murni merupakan satu aspek penting yang perlu ada dalam diri setiap manusia. Nilai-nilai murni adalah satu perlakuan, perangai atau tindakan yang baik sama ada dalam menjalinkan hubungan dengan manusia, alam dan Tuhan. Makalah ini bertujuan meneliti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam menjalani kehidupan seorang isteri. Bahan kajian ini menggunakan manuskrip MSS3070 yang berjudul *Hikayat Saerah Dengan Suami* yang diperoleh dari Perpustakaan Negara Malaysia. Metodologi kajian menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan menggunakan kajian keperpustakaan. Kaedah pertama yang dilakukan dengan mentransliterasikan teks manuskrip tulisan jawi ke rumi dan kemudian data akan dianalisis dengan penekanan kepada nilai-nilai murni yang terdapat dalam teks. Analisis kajian menggunakan pendekatan moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Kajian ini mendapati teks ini menyentuh nilai-nilai murni seorang isteri dari aspek nilai positif. Nilai-nilai murni positif seperti kasih sayang, ketaatan, amanah dalam menjaga harta suami, mendapat keizinan suami sebelum keluar rumah dan adab berbicara. Cerita-cerita tradisional amat mementingkan aspek nilai-nilai murni yang tergambar melalui aksi dan perwatakan watak-watak yang dimasukkan secara langsung melalui cerita bagi memberi pengajaran kepada khalayak pembaca. Hal inilah yang diketengahkan oleh pengarang manuskrip MSS3070.

Kata kunci: Nilai-nilai murni; moral; manuskrip

ABSTRACT

Being a decent human being necessitates a high sense of worth. It is about being well-behaved, behaving or maintaining a positive relationship with others, nature, and God Almighty. The aim of this article is to discuss and analyse the good values of becoming a decent wife as mentioned in manuscript titled *Hikayat Saerah dengan Suami* obtained from the National Library of Malaysia. This is a fully observational study that is based on literature reviews. To begin, the text is translated from Jawi writing, and then the data is analysed for good values as stated in the text. This study employs a moral perspective based on Hashim Awang's Malay methodology philosophy. The text is found to mention a wife's good qualities in both constructive and negative ways. Joy, obedience, trustworthiness in taking care of the husband's properties, obtaining permission from the husband before leaving the home, and conversing manner are some of the positive values listed. Malay Traditional stories typically place a strong focus on good morals, which are evidently shown by deeds and characters in order to teach readers.

Keywords: Good values; moral; manuscript

PENDAHULUAN

Nilai murni ialah tingkah laku, perbuatan atau gerak laku yang menjurus ke arah kebaikan dan menjadi teladan yang merangkumi nilai kemanusiaan sejagat (Kamaruzaman Abdullah 2000:4). Menurut Sufean Hussin (1995: 37) nilai murni akan membawa ketenteraman pemikiran, kesucian jiwa dan keluhuran perilaku manusia apabila menitik beratkan hubungan sesama manusia, alam persekitaran dan Tuhan tertumpu kepada domain rohaniah, moral, agama dan estetika. Dengan itu dapatlah dikatakan

nilai-nilai murni adalah nilai-nilai baik yang diterima oleh masyarakat sejagat yang berlandaskan agama, kepercayaan, adat resam dan kebudayaan.

Dalam Islam, nilai-nilai murni ini disamakan dengan makna akhlak. Pada dasarnya akhlak terbahagi kepada dua, iaitu akhlak yang terpuji dan akhlak yang tercela. Akhlak yang terpuji ialah akhlak yang baik yang harus diikuti dan dimiliki oleh setiap Muslim contohnya mengendalikan nafsu, benar, jujur, ikhlas dan sebagainya. Manakala akhlak tercela pula ialah akhlak yang buruk yang harus dihindari dan dijauhi oleh setiap orang seperti menipu, takabbur (merasa

atau mengaku diri besar, tinggi atau mulia melebihi orang lain), dengki, bakhil, marah dan sebagainya (Humaidi Tatapangsarq 1981).

Akhlak dari sudut kaca mata Islam adalah agama secara keseluruhannya. Hal ini kerana akhlak ialah keadaan rohaniah yang tercermin dalam tingkah laku atau dengan perkataan lain, iaitu sikap lahir yang wujud dari sikap batin. Hassan Mohammad Ali (1996) menyatakan akhlak secara umumnya difahami sebagai suatu tingkah laku atau kelakuan yang terbit daripada motivasi atau rangsangan yang mendorong seseorang bertindak dan lama-kelamaan menjadi adat kebiasaan dalam kehidupan. Akhlak merupakan satu sifat yang tertanam di dalam jiwa yang melahirkan kelakuan secara sukarela sama ada baik atau pun buruk. Sifat-sifat ini sama ada semula jadi ataupun diusahakan. Akhlak ini boleh berubah kesan daripada menerima pendidikan, asuhan ataupun pergaulan.

Penggarapan nilai-nilai murni dalam penulisan karya oleh pengarang disampaikan melalui perbuatan, tingkah laku, pertuturan mahupun personaliti watak-watak dalam cerita. Watak-watak dipersembahkan secara langsung atau tidak langsung dengan sifat-sifat kesopanan, berperibadi mulia dan bersahsiah yang melambangkan nilai-nilai murni yang disampaikan oleh pengarang kepada khalayak pembaca. Hal ini turut dilakukan oleh pengarang *Hikayat Saerah dengan Suami* (HSDS) yang sarat dengan nilai-nilai murni dalam penceritaan. Walaupun teks ini dalam bentuk hikayat, namun nilai-nilai murni yang banyak disuarakan oleh pengarang kepada khalayak pembaca.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan bagi menjalankan kajian ini. Bahan-bahan bacaan seperti buku, artikel, jurnal dan tesis kajian yang berkaitan dengan kajian ini telah dikenal pasti dan diteliti dalam kajian ini. Kemudian kaedah transliterasi dilakukan ke atas manuskrip MSS3070 berjudul *Hikayat Saerah dengan Suami* (HSDS) dari tulisan jawi ke tulisan rumi. Seterusnya analisis teks dilakukan untuk mendapatkan data kajian, iaitu aspek nilai-nilai murni yang terdapat dalam teks tersebut.

KETERANGAN NASKHAH

Naskhah manuskrip MSS 3070 yang berjudul *Hikayat Saerah dengan Suami* (HSDS) tersimpan di

Perpustakaan Negara Malaysia. Naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* ini mempunyai 27 jumlah halaman termasuk muka surat hadapan, berukuran 25 x 18.5 cm dan setiap muka surat mempunyai 13 hingga 15 baris yang ditulis. Naskhah ini ditulis di atas kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan, bertompok kesan terkena air tetapi masih berkeadaan baik. Tera air tahun 1817 yang menggunakan dakwat berwarna hitam keseluruhan teks.

Cerita dalam *Hikayat Saerah dengan Suami* ini mempunyai dua cerita atau kisah yang saling berkaitan. Cuma pengarang telah menjadikan cerita *Hikayat Saerah dengan Suami* ini seperti dua cerita yang berasingan tetapi hakikatnya satu. Bahagian pertama cerita dalam naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* lebih kepada cerita yang bertujuan untuk menarik minat pembaca untuk membaca naskhah ini. Hal ini kerana pada bahagian ini pengarang menulis dengan imajinasinya terhadap watak Saerah. Kemudian pada bahagian kedua, barulah pengarang menulis tujuan utamanya untuk menerangkan tentang nilai-nilai murni atau ganjaran kepada isteri yang solehah dan balasan kepada isteri derhaka kepada suami. Pada bahagian kedua ini, cara penyampaian yang dilakukan oleh pengarang tidak seperti di bahagian pertama yang lebih kepada cerita. Pengarang menggunakan teknik penyampaian dramatik, iaitu perbualan dua orang watak yang bersoal jawab.

Sesebuah karya sastera merupakan sebuah gambaran sejarah dalam erti kata yang membayangkan sesebuah tahap perkembangan pemikiran dan nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat yang melahirkannya. Cerita-cerita tradisional lebih mementingkan kepada aspek pengajaran atau didaktik. Fungsi tersebut tergambar melalui aksi dan perwatakan watak-watak dalam cereka-cereka tradisional. Pengarang tradisional akan memasukkan secara langsung nilai-nilai murni melalui cerita untuk memberi pengajaran kepada khalayak pembaca. Hal ini juga berlaku kepada naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* yang sarat dengan nilai-nilai murni.

PENDEKATAN MORAL

Perkataan moral berasal dari bahasa Latin, iaitu 'moralis' yang bererti tingkah laku yang sejajar dengan tatasusila atau peraturan masyarakat. Oleh itu, moral merangkumi segala nilai-nilai murni seperti rendah diri, benar, balas kasihan, berhati suci, cintakan perdamaian, tabah menentang perkara yang salah, tabah melaksanakan kerja

yang baik, berdikari, berhemah tinggi, hormat-menghormati, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran dan semangat bermasyarakat (Koo Kee Peng & Tang Chee Yee 1990: 1-5). Umumnya moral dapat didefinisikan sebagai tata tertib atau tingkah laku dalam kehidupan sehari-harian. Moraliti merupakan sesuatu yang berkaitan dengan tata hukum, tatasusila atau tata tertib masyarakat yang diwujudkan di luar diri individu atau beberapa peraturan wujud dalam masyarakat yang ditetapkan oleh autoriti dalam masyarakat tersebut. Peraturan-peraturan yang dinyatakan tersebut biasanya dimaksudkan sebagai tradisi, norma, kebiasaan atau adat dan nilai dalam sesebuah masyarakat (Abdul Rahman Aroff 1986:10).

Analisis kajian ini akan menggunakan pendekatan moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Teori Pengkaedahan Melayu ini terbina dengan berdasarkan cara dan sikap kehidupan, kepercayaan, dan kebudayaan masyarakat Melayu yang melahirkan karya sasteranya sendiri. Teori ini dibahagikan kepada dua prinsip, iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Pengkaedahan alamiah mempunyai tiga bahagian, iaitu pendekatan firasat, pendekatan gunaan dan pendekatan moral. Manakala pengkaedahan keagamaan mempunyai tiga bahagian juga, iaitu pendekatan kemasyarakatan, pendekatan dakwah dan pendekatan seni. Dalam kajian ini hanya menumpukan kepada pendekatan moral sahaja di bawah pengkaedahan alamiah.

Pendekatan moral dalam konteks ini adalah pengiktibaran dan pengajaran, iaitu kesedaran untuk berfikir dan bertindak mengambil contoh tauladan atau pengajaran di sebalik sesuatu kejadian atau pengalaman (Hashim Awang 2002). Pendekatan ini juga melihat kejadian alam itu bukan satu kewujudan berbentuk alat atau benda sahaja tetapi bersifat sebagai pengalaman hidup. Pengalaman tersebut melibatkan tentang peristiwa yang berlaku atau yang dilalui oleh manusia, sama ada memberikan kesan positif ataupun negatif, manakala ilmu pula, dalam bentuk maklumat-maklumat berkenaan dengan hidup dan kehidupan manusia (Hashim Awang 2002). Pengalaman ini biasanya merangkumi dua hal, iaitu pertama, tentang peristiwa dan pengalaman yang dilalui oleh manusia tertentu. Daripada peristiwa yang dilalui akan menyerlahkan pelbagai ragam, perlakuan serta perhubungan antara manusia yang melihat aspek-

aspek positif dan negatif untuk dijadikan cerminan perbandingan atau contoh teladan yang baik. Kedua, sastera dilihat mampu menyediakan maklumat dan pengetahuan yang berkaitan dengan manusia serta suasana persekitarannya (Hashim Awang 1994: 332).

Selain itu, pendekatan moral digunakan dalam menyingkap dan menyumbangkan pengalaman dan sekali gus pengetahuan. Hal ini kerana dalam karya sastera terakam pengalaman pengarang tentang pelbagai ragam, perlakuan dan perbuatan manusia yang dikongsikan kepada pembaca oleh pengarang. Pengetahuan dari pengalaman ini adalah mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan diri manusia dan kehidupan seperti budaya, agama, politik, ekonomi, pendidikan dan lain-lain. Dalam hubungan ini, Hashim Awang (2002: 18), menegaskan bahawa karya sastera dalam pendekatan moral harus mampu mencontohi al-Quran, dalamnya terkandung pelbagai ilmu pengetahuan, pengisahan berbagai jenis dan perlakuan manusia untuk dipelajari dan dicontohi, penyampaian nasihat dan ajaran serta kepentingan kepada bentuk dan keindahan. Dalam konteks kajian ini, pendekatan moral adalah berkaitan dengan nilai-nilai murni yang terdapat dalam teks yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca.

DAPATAN KAJIAN

Analisis kajian ini memfokuskan nilai-nilai murni yang digambarkan secara langsung dan tidak langsung melalui watak-watak dalam teks *Hikayat Saerah dengan Suami*. Dapatan kajian menunjukkan terdapat lima nilai-nilai murni dalam teks, iaitu kasih sayang, ketaatan, amanah, mendapat keizinan suami dan adab dalam berbicara.

KASIH SAYANG

Nilai kasih sayang bermaksud perasaan cinta, kasih dan sayang yang mendalam dan berkekalan lahir dari hati yang rela terhadap sesuatu. Perasaan ini dialami oleh setiap makhluk ciptaan Allah Taala bukan sahaja manusia tetapi juga haiwan. Menurut Muhammad Al Ghazali (1987:422), kasih sayang menggambarkan sifat ketinggian budi yang melembutkan hati untuk mencurahkan rasa belas kasihan. Kasih sayang ini boleh wujud antara suami isteri, ibu bapa dengan anak, jiran-jiran, kawan dan ahli keluarga. Berdasarkan naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* (MSS3070), terdapat nilai murni kasih

sayang antara sepasang suami isteri, iaitu antara Saerah dan Hadri.

Saerah dan Hadri merupakan sepasang suami isteri yang telah mengalami pergolakan dalam rumah tangga. Diceritakan berlaku kejadian Hadri telah menceraikan Saerah. Saerah telah bertindak membawa diri ke rumah ibu bapanya. Kemudian ibu bapanya juga tidak dapat menerima Saerah kerana tindakan Saerah yang melarikan diri dari rumah suaminya. Hal ini menyebabkan Saerah membawa diri dan mengembara kerana tindakan ibu bapanya dan suaminya yang tidak menerimanya. Saerah dicercaikan oleh Hadri kerana Saerah telah berbuat khianat kepada suaminya. Setelah bercerai dan berpisah dengan suaminya, Saerah tinggal seorang diri di dalam hutan. Saerah menderita kerana merindui suaminya. Ketika inilah Saerah menyedari kesilapan dan memohon keampunan dari Allah Taala. Saerah berdoa agar Allah Taala mengampunkan dosa dan kesalahan yang telah dilakukannya. Oleh kerana kasih sayang yang mendalam terhadap Hadri, Saerah telah berdoa semoga Allah Taala mengampunkan dosa-dosa yang telah dilakukan oleh suaminya dan dirinya. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut:

“Ya Tuhanku, hambamu ini minta ampun kerana hambamu yang bila tiada tahu akan Islam hamba, ya Tuhanku. Maka suami hamba memberi talak akan hamba. Ya Tuhanku, yang menjadikan sekalian alam.”

(HSDS: 3-4)

Selain itu, Saerah yang sangat cinta dan kasih kepada suaminya sanggup mengorbankan dirinya untuk suaminya. Saerah telah berdoa kepada Allah taala supaya tidak dipisahkan daripada suaminya. Malah Saerah juga berdoa supaya mati bersama-sama suaminya. Perkara ini menunjukkan betapa kuatnya kasih sayang antara Saerah dengan Hadri. Pengorbanan yang dilakukan oleh pasangan suami isteri ini, jelas menunjukkan nilai kasih sayang yang mendalam antara keduanya. Hal ini juga menggambarkan betapa kasih sayang dan kesetiaan seorang isteri kepada suaminya. Perasaan kasih sayang Saerah kepada suaminya ditunjukkan dengan perbuatan Saerah yang sentiasa mendoakan suaminya kembali mencintainya. Berkat kesabaran yang dimiliki Saerah, akhirnya beroleh kegembiraan apabila doa yang di pohonnya telah dimakbulkan Allah Taala. Sebenarnya apa yang dilakukan oleh Saerah ini adalah sesuatu yang dituntut dalam agama Islam. Islam menggalakkan umatnya memohon kepada Allah jika berkehendakkan sesuatu. Dalam

cerita ini Saerah memohon supaya suaminya kembali mencintai dirinya dan akhirnya Allah menunaikannya. Oleh itu, hal ini jelas menunjukkan perbuatan memohon doa oleh Saerah ini merupakan satu perlakuan atau akhlak yang baik dan terpuji.

Selain itu, nilai kasih sayang juga dapat dilihat dalam hubungan antara ibu bapa dan anak. Ibu dan bapa adalah insan yang paling rapat dan sangat menyayangi anak-anak. Ibu bapalah juga bertanggungjawab menjaga anak sejak dilahirkan sehinggalah anak dewasa. Di sinilah ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memberi pendidikan dan menanam nilai-nilai murni yang baik untuk memastikan anak-anak mereka menjadi insan yang terpuji dan berguna kepada agama dan masyarakat. Melalui naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* ini, nilai kasih sayang ibu bapa terhadap anaknya dapat dilihat pada watak Tuan Syeikh Hassan Al-Basri dan Robiah, iaitu bapa dan ibu kepada Saerah. Tuan Syeikh Hassan Al-Basri telah berusaha supaya rumah tangga yang dibina oleh anaknya Saerah itu tidak runtuh. Sebagai tanda kasih sayang seorang bapa kepada anaknya, Tuan Syeikh Hassan Al-Basri sanggup ke rumah Hadri untuk memujuk dan meminta Hadri supaya memaafkan kesalahan yang dilakukan oleh Saerah. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut:

Setelah sudah demikian katanya, maka ia hanya pun pergilah kepada suaminya Saerah yang bernama Hadri itu. Ada pun nama bapanya Saerah itu, Tuan Syeikh Hassan Al-Basri. Setelah sampai Syeikh Hassan Al-Basri ...Hadri. Maka Tuan Syeikh Hassan Al-Basri pun memberi salam kepada Hadri. Maka Hadri pun segera menyahuti salam Tuan Syeikh itu dengan hormatnya. Maka ia pun duduk bersama-samaan keduanya. Maka Tuan Syeikh pun berkata kepada Hadri ‘Alaihis Salam.

“Hai anakku Hadri, bapamu bertanyalah kepadamu. Apakah salahnya isterimu itu kepadamu? Maka anakku beri talak.”

(HSDS: 1-2)

Petikan tersebut menggambarkan pengorbanan seorang ayah kepada anaknya yang sanggup memujuk menantunya (Hadri) supaya menerima Saerah semula. Hal ini berlaku kerana Tuan Syeikh Hassan Al-Basri sangat sayangkan anaknya sehingga tidak sanggup melihat anaknya menderita. Keadaan ini menggambarkan betapa besar pengorbanan seorang ayah kepada anaknya. Selain itu, Tuan Syeikh Hassan Al-Basri juga telah berdoa kepada Allah Taala supaya mengampunkan dosa yang telah dilakukan oleh anaknya Saerah. Keadaan ini jelas menunjukkan nilai kasih sayang seorang isteri kepada suami dan seorang ayah

kepada anaknya adalah sesuatu yang dituntut dalam agama Islam. Perkara yang dilakukan oleh Saerah untuk mendapatkan kembali rasa kasih dan sayang daripada suaminya bukanlah sesuatu yang bertentangan dengan agama Islam. Begitu juga apa yang dilakukan oleh bapanya yang telah pergi berjumpa dengan suami Saerah untuk mendapat tahu perkara sebenar yang menyebabkan Saerah dicercaikan adalah satu contoh perlakuan atau akhlak yang terpuji.

KETAATAN

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), taat bermaksud sentiasa menurut perintah (Tuhan dan lain-lain), tidak mengingkari, tidak berlaku curang, jujur dan setia. Oleh itu, secara umumnya taat bererti menjalankan tanggungjawab yang diberikan dan mengikut setiap arahan yang diperintahkan dengan jujur, setia, amanah dan menurut kata. Namun dalam mengikut arahan dan kata-kata sesiapa sahaja perlulah berlandaskan kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah Taala bagi umat Islam. Ketaatan boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian antaranya taat kepada Allah, taat kepada Rasul, taat kepada ibu bapa, taat kepada suami dan lain-lain lagi.

Apabila seseorang perempuan itu telah menjadi isteri kepada seorang lelaki, seorang isteri mesti berusaha untuk mentaati suami, berusaha memperoleh keredaannya seberapa boleh, kerana suami adalah syurga baginya dan dalam masa yang sama suami juga boleh menjadi neraka baginya. Sesungguhnya Allah Taala telah menyuruh dan memerintahkan kepada isteri supaya patuh dan taat kepada suami mereka kecuali apabila suami menyuruh mengerjakan larangan di dalam Islam. Allah Taala telah menjanjikan bahawa kepatuhan dan ketaatan kepada suami tersebut akan diberikan ganjaran yang pahala besar ada hari kiamat kelak.

Seorang suami bertanggungjawab sebagai pemimpin atau ketua dalam keluarga kepada isteri dan anak-anak. Hal ini kerana Allah Taala telah melantik dan menjadi tanggungjawab seorang lelaki sebagai pemimpin. Allah Taala telah memberikan keutamaan kepada golongan lelaki kerana golongan lelaki yang bertanggungjawab dan berkewajipan memberi nafkah kepada isterinya. Allah Taala telah berfirman,

Ertinya: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa

keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.

(Al-Nisaa: 34)

Berdasarkan firman Allah Taala tersebut, seorang lelaki atau suami mempunyai hak untuk ditaati oleh isterinya. Hal ini kerana seorang suami bertanggungjawab dalam menjaga dan memberikan nafkah kepada isterinya. Kewajipan seorang isteri dalam mentaati suaminya terletak pada hak tertinggi yang harus dipenuhi selepas ketaatan kepada Allah Taala dan kepada Rasul.

Hal ini digambarkan dalam naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* tentang ketaatan seorang isteri kepada suaminya, iaitu ketaatan Saerah kepada Hadri. Saerah selepas dicercaikan oleh suaminya menderita tinggal seorang diri di dalam hutan kerana sangat merindui suaminya. Ketaatan dan kepatuhan Saerah kepada suaminya dapat dilihat apabila Saerah tidak putus-putus mendoakan suaminya. Dalam doanya, Saerah meminta Allah Taala mengampunkan dosa suaminya dan juga meminta suaminya memaafkan dirinya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut,

“Setelah sudah genap empat rakaat, maka memberi salam ke kanan dan ke kiri dan sudah membaca doanya. Maka Saerah pun meminta doakan dirinya kepada Allah Taala dan memintakan doakan suaminya...”

(HSDS: 5-6)

Ketaatan Saerah kepada suaminya dapat dilihat apabila setiap kali selepas solat Saerah akan berdoa untuk suaminya. Hal ini jelas menggambarkan betapa taatnya Saerah kepada suaminya. Waima selepas dicercaikan suaminya pun, Saerah tetap juga berdoa untuk suaminya. Perbuatan Saerah itu menggambarkan watak ini masih sayang dan cintakan suaminya lagi. Selain itu, ketaatan Saerah kepada suaminya juga dapat dilihat dalam peristiwa Saerah berdoa kepada Allah Taala supaya mengambil nyawanya dan nyawa suaminya. Hal ini kerana Saerah tidak lagi mahu hidup di dunia yang penuh dengan tipu helah dan godaan dari syaitan.

Allah Taala telah memakbulkan doa yang diminta oleh Saerah lalu Allah Taala telah mengambil nyawa Saerah dan suaminya. Oleh itu, nilai ketaatan kepada suami oleh seorang isteri digambarkan dalam naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* ini dengan gambaran seorang isteri itu hendaklah selalu mendoakan suaminya. Sebagai seorang isteri yang solehah setiap kali selepas sembahyang hendaklah berdoa kepada suaminya. Hal ini kerana melalui

doa yang dipohon juga merupakan salah satu cara untuk membina keluarga yang bahagia. Selain itu, seorang isteri yang solehah hendaklah berusaha mematuhi semua perintah suami sama ada perkara kecil mahu pun besar selagi perintah tersebut tidak menyuruh melakukan kejahatan atau kemaksiatan. Dengan demikian ketaatan dan kepatuhan seorang isteri kepada suami bererti membina kebahagiaan dalam rumahtangga yang telah dibina.

AMANAH DALAM MENJAGA HARTA SUAMI

Amanah merupakan aspek yang penting perlu ada dalam diri seorang manusia dalam menjalani amalan kehidupan seharian. Amanah adalah satu tanggungjawab yang diberikan sebagai prinsip untuk tidak mengambil kesempatan dengan menggunakan pengaruh dan kuasa yang sedia ada (Mumtaz Begam, Norzaini Azman & Mohammed Sani Ibrahim 2010). Tugas seorang isteri yang solehah ialah menjaga harta suaminya. Perbuatan ini menjadi kewajipan seorang isteri yang taat kepada suaminya. Perkara ini kerana seorang isteri mestilah bersifat amanah dalam menjalankan urusan rumahtangga terutama dalam hal menjaga harta suaminya. Sekiranya seorang isteri hendak menggunakan harta suaminya perlulah meminta izin dari suaminya. Perkara ini kerana isteri telah diberikan memegang amanah dalam menjaga harta. Jika isteri menggunakan harta tanpa meminta keizinan dari suaminya dianggap telah mengkhianati suaminya. Tambahan isteri yang mencuri harta suaminya pula adalah melakukan perbuatan yang lebih teruk kerana telah mengkhianati amanah yang telah diberikan kepadanya.

Seorang perempuan atau isteri yang solehah dan baik sentiasa menjaga harta-harta suaminya. Isteri tidak akan mengambil tanpa izin atau mencuri harta suami walaupun untuk tujuan kepentingan diri dan keluarganya. Oleh itu, untuk menjadi seorang isteri yang baik dan solehah kepada suaminya hendaklah amanah dalam menjaga harta yang ditinggalkan oleh suaminya. Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah yang menyatakan seorang perempuan yang baik itu adalah menjaga harta suaminya ketika suaminya telah meninggalkan isterinya. Sabda Rasulullah,

“Perempuan yang baik itu ialah apabila kamu melihat kepadanya akan menyenangkan hati kamu, apabila kamu tinggalkan dia, ia akan menjaga harta kamu.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Nilai murni amanah dalam naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* turut dinyatakan mengenai

amanah menjaga harta suami oleh seorang isteri. Seorang isteri hendaklah menjaga harta suaminya dengan amanah bukannya mencuri harta suaminya. Naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* ini menyatakan seorang isteri tidak boleh mencuri harta suaminya. Isteri yang melakukan tindakan atau perbuatan itu akan menerima balasan daripada Allah Taala. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut;

“ya Perintah Islam, jikalau perempuan itu mencuri harta suaminya yang halal, maka tatkala jamak hari kiamat, dimasukkan Allah Taala ke dalam api neraka yang amat sangat seksa mereka itu.”

(HSDS: 20)

Berdasarkan petikan tersebut, seorang isteri yang mencuri harta suaminya akan mendapat balasan dari Allah pada hari akhirat kelak. Balasan atau hukuman yang akan diterima oleh seorang isteri yang mencuri harta suaminya ialah akan dimasukkan ke dalam api neraka dan menerima seksaan yang amat teruk sekali. Perbuatan mencuri harta suami oleh isteri ini adalah satu perbuatan yang haram. Tambahan pula perbuatan ini dilakukan oleh seorang isteri kepada suaminya yang mana suami adalah orang yang bertanggungjawab dalam menjaga isteri. Dalam satu hadis nabi Muhammad yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Abbas, menyatakan, “bahawa wanita yang mencuri dan berlaku tidak jujur pada harta benda suaminya akan dikutuk oleh 70000 malaikat” (Muhammad Imran 1993: 79).

Oleh itu, seorang isteri yang solehah hendaklah amanah menjaga harta suami dengan baik. Isteri tidak boleh menggunakan harta tersebut tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu. Hal ini supaya rumahtangga yang dibina tidak mengalami pertengkaran dan akan hidup aman damai jika setiap amanah yang diberikan dijaga dengan baik oleh seorang isteri. Nilai murni amanah sangat penting diamalkan dalam kehidupan seharian untuk mewujudkan keamanan kepada negara dan bangsa.

MENDAPAT KEIZINAN SUAMI

Seorang perempuan selepas berkahwin, tanggungjawab ke atas perempuan akan bertukar daripada seorang ayah kepada suaminya. Isteri telah menjadi hak milik mutlak kepada suaminya dan si isteri wajib taat serta patuh kepada suaminya. Misalnya jika seorang isteri hendak keluar dari rumah atas apa urusan sekali pun, seorang isteri hendaklah meminta keizinan suami terlebih dahulu. Hal ini termasuklah sama ada isteri hendak ke rumah

ibu bapa, bekerja ataupun hendak belajar ilmu sekali pun. Selepas mendapat keizinan dari suami barulah boleh seorang isteri boleh keluar dari rumah tetapi tetap dengan adab-adab tertentu seperti menutup aurat dan sebagainya. Sekiranya isteri keluar dari rumah tanpa keizinan suami akan dianggap telah melakukan nusyuz kepada suaminya. Perkara ini kerana isteri telah menjadi hak suami dan wajib memberi ketaatan seratus peratus kepada suami.

Menelusuri naskah *Hikayat Saerah dengan Suami* ini, terdapat gambaran betapa besarnya dosa yang akan diperoleh oleh seseorang isteri yang keluar dari rumah tanpa mendapat keizinan suaminya. Kemudian, naskah ini juga turut menjelaskan seksaan atau akibat yang akan diterima oleh seorang isteri yang keluar dari rumah tanpa keizinan suaminya. Dalam naskah *Hikayat Saerah dengan Suami* ini tidak dinyatakan secara terang bahawa seorang isteri tidak boleh keluar tanpa mendapat keizinan suaminya. Sebaliknya, dinyatakan bahawa seorang isteri yang hendak pergi ke tempat jauh ataupun dekat hendaklah memberitahu kepada suaminya. Hal ini kerana seorang isteri itu berada dalam tanggungjawab suaminya. Perkara ini dapat dilihat dalam petikan berikut;

“hai Perintah Al-Salam, jikalau engkau hendak pergi-pergian pada barang tempat atau jauh atau dekat, hendaklah engkau memberitahu kepada suamimu kerana perempuan itu dalam maklum suaminya. Terlalu dosa kepada Allah Ta’ala dan kepada nabi Salleh Allah Ilaahi Wassalam. Maka barang suatu itu terlalu jahat lebih daripada anjing dan babi haramnya.”

(HSDS: 22)

Berdasarkan petikan tersebut, naskah *Hikayat Saerah dengan Suami* ini menggambarkan bahawa seorang isteri yang keluar dari rumah tanpa mendapat keizinan dari suaminya akibatnya telah melakukan dosa kepada Allah. Hal ini bermakna seorang isteri akan mendapat dosa besar sekiranya keluar dari rumah tanpa mendapatkan keizinan dari suaminya. Selain itu dikatakan juga, seksaan kepada isteri yang keluar dari rumah tanpa keizinan suaminya dikatakan perbuatan itu terlalu jahat sehingga hukumnya haram lebih haram daripada anjing dan babi. Perkara ini menggambarkan betapa beratnya hukum keluar dari rumah tanpa mendapatkan keizinan dari seorang suami.

Oleh itu, untuk menjadi seorang isteri yang solehah dan mendapat ganjaran pahala dari Allah Taala, seorang isteri hendaklah meminta izin terlebih dahulu sebelum keluar dari rumah tidak kira ke mana arah tujuannya. Naskah *Hikayat Saerah dengan Suami* ini menegaskan bahawa hukum isteri derhaka

disebabkan keluar dari rumah tanpa mendapatkan keizinan dari suaminya. Sebagai seorang isteri, nilai murni ini perlu diamalkan supaya tidak berlaku salah faham jika isteri keluar untuk melakukan sesuatu. Hal ini dapat mengelakkan berlaku pergaduhan dalam rumah tangga.

ADAB BERBICARA

Allah telah menganugerahkan wanita dengan suara yang lunak dan lembut. Hal ini telah mempesonakan golongan lelaki terhadap suara perempuan sehingga ada yang menjadikan isteri kerana suaranya. Oleh itu, seseorang isteri hendaklah pandai menggunakan suara mereka ke jalan yang betul, iaitu memberikan kegembiraan dan kedamaian kepada suami mereka. Seorang isteri ketika berbicara dan bercakap dengan suami hendaklah menggunakan suara yang lemah lembut dan penuh dengan sopan santun bagaimanapun layanan seperti itu dilarang kepada perempuan untuk dilakukan kepada lelaki lain. Hal ini kerana takut timbulnya fitnah yang besar kepada perempuan itu.

Seorang isteri ketika berbicara dengan suaminya hendaklah dengan suara yang lembut dan sopan santun. Islam melarang seorang isteri meninggikan suara ketika berbicara dan bercakap dengan suami. Hal ini kerana suami merupakan ketua keluarga yang patut dihormati oleh isteri. Dengan itu, isteri tidak boleh meninggikan suara ketika berbicara dengan suaminya. Rasulullah SAW telah bersabda;

“isteri manapun yang meninggikan suara melebihi suara suaminya, maka dia akan mendapat laknat daripada segala sesuatu yang disinari matahari”

(Riwayat Umar bin Khattab)

Kenyataan ini juga digambarkan di dalam naskah *Hikayat Saerah dengan Suami*. Dalam naskah *Hikayat Saerah dengan Suami* menunjukkan balasan yang akan diterima oleh isteri yang bercakap kasar dan melawan kata-kata suaminya. Antara balasan dan seksaan yang akan diterima isteri yang bersikap seperti itu ialah lidahnya akan ditarik enam puluh hasta dan dimasukkan Allah Taala ke dalam api neraka selama tujuh puluh tahun.

“ya Perintah Al-Salam, barang siapa perempuan itu berkata jahat kepada suaminya yang halal itu, masak pun dengan sepeatah kata jua. Maka tatkala hari kiamat dihelakan malaikat lidahnya orang itu enam puluh hasta panjangnya. Maka keluar nanah dan darah pada mulutnya mereka itu dan baunya terlalu busuk terlebih daripada bau bangkai.”

(HSDS: 19)

Petikan tersebut jelas menerangkan balasan yang akan diterima oleh seorang isteri yang mengeluarkan kata-kata kesat walaupun dengan satu perkataan pun akan menerima balasan pada hari kiamat. Hukuman bagi isteri yang melakukan perbuatan ini malaikat akan menarik lidahnya sepanjang 60 hasta. Kemudian akan keluar nanah dan darah dari mulut isteri ini yang berbau busuk lebih daripada bau bangkai. Inilah hukuman dan balasan kepada isteri yang bercakap kasar kepada suaminya yang terdapat di dalam naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami*.

Selain itu, dalam naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* juga dinyatakan azab kepada isteri yang melawan kata-kata atau cakap seorang suami. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut:

“ya Perintah Al-Salam, jikalau perempuan itu melawan ia barang kata suaminya, maka tatkala hari kiamat dimasukkan Allah Taala ke dalam api neraka tujuh puluh tahun lamanya merasai seksa neraka, ular dan kala dimasukkan Allah Taala ke dalam mulutnya mereka itu.”

(HSDS: 20-21)

Seorang isteri yang solehah tidak boleh membantah cakap seorang suami. Seorang isteri yang melawan cakap suaminya akan mendapat balasan dan azab dari Allah Taala pada hari kiamat kelak. Balasan atau hukuman yang akan diterima oleh isteri yang melawan cakap suaminya ialah akan dimasukkan ke dalam api neraka selama 70 tahun. Di dalam neraka, golongan ini akan diseksa oleh Allah dengan memasukkan ular dan kala ke dalam mulut mereka. Oleh itu, seorang isteri yang solehah itu apabila berbicara dengan suaminya hendaklah menunjukkan sifat kasih sayang, dengan bahasa yang lemah lembut dan sopan santun. Janganlah seseorang isteri bercakap kasar terhadap suaminya atau memarahinya dan membentak-bentak. Hal ini kerana jika seorang isteri bertindak demikian akan menerima balasan dan azab yang teruk pada hari kiamat nanti.

Di samping itu, di dalam naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* turut juga dinyatakan ganjaran yang akan diterima oleh seorang isteri yang bercakap dengan bahasa yang lemah lembut dan manis muka dengan suaminya. Sangat besar ganjaran pahala yang diperoleh isteri yang solehah yang berbicara dengan bahasa yang sopan santun kepada suaminya. Selain itu, naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* juga menyatakan ganjaran yang diperoleh seorang isteri yang sentiasa menunjukkan wajah yang ceria kepada suaminya.

“ya Perintah Al-Salam dan barang siapa menghadapi suaminya dengan mukanya yang jernih pada jamak hari kiamat dibalaskan Allah Taala syurga kepadanya dan miliknya dan anak bidadari akan mereka itu.”

(HSDS: 24)

Petikan tersebut jelas menyatakan ganjaran kepada seorang isteri yang menunjukkan wajah yang ceria kepada suaminya. Ganjaran terhadap perbuatan itu, isteri akan dimasukkan ke dalam syurga dan mendapat anak bidadari pada hari kiamat nanti yang diberikan oleh Allah Taala kepada golongan ini. Perkara ini juga dapat dilihat dalam hadis Nabi Muhammad. Rasulullah bersabda:

“Sesungguhnya apabila seorang suami memandang isterinya, dan isterinya membalas pandangan tersebut dengan penuh kasih dan cinta, maka Allah memandang mereka dengan pandangan kasih mesra, dan jika suami membelai tangan isteri, maka dosa mereka jatuh berguguran di celah-celah jari tangan mereka”

(Riwayat Maisyarah)

Jelaslah bahawa seorang isteri yang solehah dan bijaksana tidak akan mengeluarkan kata-kata yang tidak menyenangkan kepada suaminya. Sebaliknya, isteri solehah akan menyatakan sesuatu yang menyenangkan dan dengan muka yang manis apabila berhadapan dengan suaminya. Hal ini bukan sahaja memberi kesan pada kehidupan di dunia tetapi juga di akhirat nanti. Buktinya, seseorang isteri yang sentiasa menjaga kata dan bermuka manis dengan suaminya akan mencipta atau mewujudkan sebuah rumahtangga yang hidup dalam kebahagiaan dan kedamaian. Malah, seorang isteri juga akan mendapat ganjaran dari Allah Taala pada hari kiamat juga. Oleh itu, untuk menjadi seorang isteri yang solehah mestilah bijak dalam mengeluarkan kata-kata dengan penuh sopan santun, lemah lembut serta bermuka manis ketika berada bersama-sama suami.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini mendapati naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* ini menyentuh nilai-nilai murni seperti kasih sayang, ketaatan, amanah, mendapat keizinan suami dan adab dalam berbicara. Nilai-nilai murni ini memberi kesan positif kepada khalayak pembaca sebagai pengajaran dan pembelajaran dalam kehidupan. Bahkan nilai-nilai murni dalam naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* ini menjadi pengajaran dapat ditanam dalam setiap jiwa dan sanubari setiap insan, khususnya golongan wanita. Selain itu, dalam sesebuah karya sastera yang

mempunyai banyak nilai-nilai murni. Moral dan pengajaran akan dipandang tinggi oleh masyarakat. Melalui nilai-nilai murni dalam naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* berfungsi mendidik khalayak pembaca dalam menjalani kehidupan seharian. Namun, pembaca perlulah bijak dalam menganalisis naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* supaya memperoleh nilai-nilai murni yang kebanyakan didapati tersurat di dalam cerita yang disampaikan. Penemuan dan perbincangan nilai-nilai murni dalam naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* adalah penting membuktikan bahawa naskhah *Hikayat Saerah dengan Suami* boleh digunakan sebagai media pendidikan moral sama ada dalam masyarakat dahulu mahupun masyarakat sekarang.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan di bawah geran penyelidikan dengan kod projek RF002K-2018.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Aroff. 1986. *Pengenalan Pendidikan Moral*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
Abdullah, Kamaruzaman. 2000. Nilai murni cerpen diari seorang pengawas. *Berita Harian*, 10 Oktober 2010.

Eizah Mat Hussain
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
50603
Kuala Lumpur
E-mel: eizah@um.edu.my

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
50603
Kuala Lumpur
E-mel: inmarlin@um.edu.my

Zahir Ahmad
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
50603
Kuala Lumpur
E-mel: zahir@um.edu.my

Diserahkan: 15 November 2020
Diterima: 22 April 2021

- Al-Ghazali, Muhammad. 1987. *Akhlaq Seorang Muslim*. Ed. H. Mohd. Rifai. Batu Caves: Thinker's Library.
Al-Quran Dan Tafsir. 1998. Disusun Oleh H. Mahmud Yunus. Klang: Klang Book Centre.
Azharuddin Sahi. 2001. *Indeks Al-Quran: Panduan Mencari Ayat Al-Quran Berdasarkan Kata Dasarnya*. Bandung: Mizan.
Hajah Noresah Baharom, Md Nor Abd. Ghani, Ibrahim Ahmad, Azizah Supardi, Saidah Kamin, Aziah Tajudin, Salmah Jabar, Hairani Mohd Khalid & Rodziah Abdullah. 2005. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Hasan Mohd Ali. 1996. *100 Akhlak Mulia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
Hashim Awang. 2002. Teori pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapannya. Kertas kerja Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, hlm.1-33.
Hashim Awang. 1994. *Pengarangan Sastera: Pengkaedahan Melayu." Teks dan Khalayak*. Peny. Sahlan Mohd. Saman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Humaidi Tatapangsara. 1981. *Akhlaq Yang Mulia*. Surabaya: Pustaka Nasional.
Koo Keep Eng Dan Tang Chee Yee. 1990. *Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
Muhamad Imran. 1993. *Wanita Sempurna*. Kuala Lumpur: Dar-Al-Alami Publication.
Mumtaz Begam Abdul Kadir, Norzaini Azman & Mohammed Sani Ibrahim. 2010. Pengaruh integriti kepemimpinan terhadap pelaksanaan pengurusan kualiti menyeluruh di Institusi Pendidikan Tinggi MARA. *AKADEMIKA*, 78: 67-75.
Sufean Hussin. 1995. *Pengajaran Nilai dalam Kurikulum*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.